

Headline	Apa selanjutnya UMNO-Bersatu?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	1,2	ArticleSize	859 cm ²
AdValue	RM 18,211	PR Value	RM 54,633



KE MANA ARAH TUJU

Setelah UMNO membuat pendirian untuk tidak bersama Bersatu dalam Perikatan Nasional pada PRU15 nanti

MUKA 2, 4 & 5

- UMNO, Pas dan Bersatu berdepan masalah dapatkan sokongan pengundi Melayu sekiranya bergerak sendirian pada PRU15.
- Ketiga-tiga parti itu juga kini dijangka bertembung sesama sendiri sekurang-kurangnya dalam pertandingan tiga penjur.
- Pas masih kekal dengan pendirian untuk memperkukuh Muafakat Nasional dan mempertahankan Perikatan Nasional.

“ Perpecahan undi Melayu akan memberi keuntungan besar kepada parti lain.” - Penganalisis politik, Dr Achman Dzarien Mohd Nazri

Headline	Apa selanjutnya UMNO-Bersatu?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Mar 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	1,2	ArticleSize	859 cm ²
AdValue	RM 18,211	PR Value	RM 54,633

Apa selanjutnya UMNO-Bersatu?

Pemerhati politik negara sifatkan parti-parti Melayu berdepan cabaran

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

SHAH ALAM

UMNO, Pas dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) diramal berdepan masalah sendiri dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) nanti.

Tanpa kerjasama sebagai satu gabungan, ketiga-tiga parti yang mempunyai penyokong tersendiri dalam kalangan orang Melayu itu mungkin bertembung sesama sendiri sekurang-kurangnya dalam pertandingan tiga penjur.

Perpecahan undi Melayu itu dijangka menguntungkan parti pembangkang dan pernah dizarhikan oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, bahawa Pakatan Harapan (PH) hanya memerlukan sokongan 15 peratus undi Melayu untuk menang PRU15.

Felo Penyelidikan Institut Penyelidikan Politik Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Dr Achman Dzarien Mohd Nazri berkata, perpecahan undi Mela-

yu tidak dapat dielak tanpa kerjasama tiga parti politik utama itu.

"Sekiranya Bersatu juga memutuskan pendirian sama iaitu tidak bekerjasama dengan UMNO atau BN, sudah pasti berlaku pertembungan tiga penjur.

"Maka undi Melayu akan berpecah dan sukar untuk tiga parti ini menang dan pihak yang akan dapat manfaat ialah pembangkang," katanya kepada *Sinar Harian* di sini pada Khamis.

Ujar beliau, tidak mustahil tiga parti Melayu itu kembali bekerjasama selepas keputusan PRU15, sekiranya tiada gabungan parti politik mendapat majoriti mudah untuk membentuk kerajaan.

Katanya, penjarangan baharu menerusi kerjasama politik sehingga terbentuknya kerajaan Perikatan Nasional (PN) boleh berulang.

Sementara itu, penganalisis politik, Profesor Dr Zaid Ahmad mengakui dominasi politik Melayu terencat susulan tindakan UMNO yang memutuskan untuk tidak bekerjasama dengan Bersatu pada PRU15 akan datang.

"Ini juga membuktikan ada



ACHMAN DZARIEN



ZAID AHMAD



NOOR NIRWANDY



JAYUM JAWAN

perkara dalaman yang tidak dapat untuk diselesaikan antara UMNO dan Bersatu. Ada 'luka' UMNO yang masih tidak boleh diubati," katanya.

Namun, keputusan itu memberikan kelebihan kepada UMNO kerana parti itu mempunyai ekosistemnya sendiri berbanding Bersatu bagi berhadapan pilihan raya akan datang.

Ujar beliau, UMNO akan lebih selesa untuk membuat keputusan bagi meletakkan calon mereka bertanding di mana-mana kerusi pada PRU15 walaupun bakal berdepan dengan PN dan PH serta Bebas.

Bagi Bersatu pula, parti itu dijangka menghadapi kesukaran pada PRU15 kerana dilihat 'banyak menumpang' termasuk ketika bersama dalam pemerintahan PH sebelum ini.

Ahmad Zahid dipersalahkan

Penganalisis keselamatan dan politik daripada Universiti Teknologi Mara, Dr Noor Nirwandy Mat Noordin

pula melihat keputusan UMNO itu sebagai satu keputusan yang pramatang.

Menurutnya, Presiden



Bersatu, Pas dan UMNO yang mempunyai penyokong tersendiri dalam kalangan orang Melayu mungkin bertembung sesama sendiri sekurang-kurangnya dalam pertandingan tiga penjur.

UMNO Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi wajar dipersalahkan sekiranya dominasi politik Melayu Islam gagal dicapai disebabkan keputusan pramatang pemimpin tertinggi UMNO itu.

"Dominasi politik Melayu Islam masih relevan dalam formula perpaduan dan pembangunan negara kerana terbukti gabungan PH sebelum ini gagal untuk memenuhi kepentingan masyarakat Melayu dari segi dasar dan polisi sepanjang pentadbiran mereka.

"UMNO masih relevan dan perlu kekal dihormati oleh rakyat khususnya masyarakat Melayu dan keputusan Presiden UMNO itu berupaya memecahbelahkan UMNO," katanya.

Tegas Noor Nirwandy, tindakan Ahmad Zahid akan menghilangkan kepercayaan rakyat terhadap UMNO serta wajar dipersalahkan sekiranya dominasi politik Melayu Islam gagal

dicapai selepas PRU15.

Pensyarah Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia yang juga penganalisis politik, Profesor Dr Jayum Jawan berkata, PRU15 bakal menyaksikan satu pertandingan hebat.

Katanya, banyak parti akan cuba bertanding di sebanyak mungkin kerusi atau kawasan.

"Ini penting kerana setiap parti atau campuran parti tahu bahawa kemenangan mereka dalam PRU15 nanti akan menentukan kedudukan mereka dalam proses pembentukan kerajaan selepas PRU 15.

"Saya tidak nampak proses bergabung antara parti sebelum PRU15 dan berbahagi jumlah kerusi di antara anggota untuk dipertandingkan dalam PRU15.

"UMNO tidak putus hubungan dengan Bersatu dalam PN sehingga tamat tempoh Parlimen sekarang. Justeru, kerajaan PN tidak goyang," katanya.